

Buktikan ambil alih syarikat'

PEKAN: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mahu mendapat bukti terlebih dulu berhubung dakwaan berlaku pengambilalihan syarikat tempatan oleh entiti asing, terutama dari Singapura.

"Dapatkan bukti terlebih dulu. Saya tidak tahu kedudukan sebenar," katanya selepas melancarkan program Kem Belia Cemerlang, Gemilang dan Terbilang "Satu Tekad Satu Matlamat bagi Kawasan Parlimen Pekan, di Sekolah menengah Kebangsaan Chini Timur, di sini semalam.

Beliau mengulas laporan sebuah akhbar 7 Julai lalu berhubung gesaan pihak tertentu supaya kerajaan memantau isu pembelian kepentingan syarikat tempatan oleh entiti asing terutama dari Singapura bagi memastikan kepentingan strategik Malaysia terpelihara.

Menurut laporan itu, pembelian kepentingan syarikat tempatan dalam industri pengangkutan, telekomunikasi, perbankan dan kejuruteraan oleh pelabur asing terutama Singapura yang agak ketara sejak dua tahun lalu, dikhuatiri membantutkan usaha kerajaan membangunkan ekonomi Malaysia bersandarkan agenda nasional.

Laporan itu turut memetik kenyataan Presiden Transparency International of Malaysia, Tan Sri Ramon Navaratnam sebagai berkata, sebarang pem-

belian strategik syarikat Malaysia mesti dibuat secara telus terutama yang membabitkan aset negara.

Ia menyebut pengambilalihan Pantai Holdings Bhd oleh syarikat dari Singapura, Parkway Holdings, pemilikan ekuiti Telekom Malaysia Bhd (TM) dan Malaysian Plantations Bhd oleh Temasek Holdings dan pemilikan saham pelabuhan tempatan, Westports oleh pengendali pelabuhan Singapura, PSA melalui Hutchinson Ports Holdings.

Mengenai pelantikan bekas Ketua Pegawai Eksekutif Guthrie Berhad, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sebagai Bendahari Parti Keadilan Rakyat Malaysia (PKR), Najib berkata, itu kerja parti pembangkang dan beliau tidak mahu komen.

Berhubung cadangan Kementerian Pelancongan melanjutkan waktu operasi pusat hiburan sehingga jam 5 pagi, Timbalan Perdana Menteri berkata, ia hanyalah satu cadangan.

"Kita dapatkan reaksi, maklumat dan maklum balas kerajaan negeri dan pihak berkuasa dan sebagainya terlebih dulu," katanya.

Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, sebelum ini dilaporkan mahu mengemukakan cadangan melanjutkan waktu operasi pusat hiburan termasuk kelab malam, restoran dan pub di bandar utama sehingga jam 5 pagi.